

Pusat pelupusan sampah haram terbabit aktiviti pembakaran terbuka

Pemilik tiga plot tanah dikenal pasti

JAS Johor lengkap kertas siasatan sebelum diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya

Oleh Nurul Amanina Suhaini
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Kerajaan negeri sudah mengenal pasti pemilik tiga plot tanah yang dijadikan pusat pelupusan sampah haram yang terbabit dalam aktiviti pembakaran terbuka di Jalan Banjaran 15, Kempas, dekat sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Johor, Tan Chen Choon, berkata Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor sedang melengkapkan kertas siasatan sebelum diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya.

"Pemilik tanah itu sudah dikenal pasti oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan JAS akan melengkapkan kertas siasatan secepat mungkin.

"Kita dapati tapak itu sebenarnya adalah tanah pertanian, bukannya tanah untuk 'dumping site' (pembuangan sampah).

"Kita jangka tindakan lanjut akan diambil dalam tempoh seminggu," katanya pada sidang media selepas meninjau kawasan Kampung Sungai Temon, Perling, dekat sini, semalam.

Semalam, media melaporkan JAS sedang menyiasat dan melengkapkan kertas siasatan berkenaan isu pembakaran terbuka di tapak pelupusan sampah haram di Jalan Banjaran 15, Kempas, di sini.

Tapak pelupusan sampah itu mengeluarkan asap tanpa henti sehingga mengganggu kehidupan penduduk disebabkan pembakaran terbuka selain sukar dipadamkan kerana terdapat api bawah tanah.



Chen Choon (tengah) meninjau kawasan pembuangan sampah haram di kawasan anak sungai di Kampung Sungai Temon, Perling, Johor Bahru, semalam.
(Foto Mohd Azren Jamaludin/BH)